

# Rebut Dana BNM RM1 bilion

Oleh NABILA YASMIN RAZIB

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 JAN.

**D**ANA Rumah Mampu Milik Bank Negara Malaysia (Dana BNM) dengan peruntukan berjumlah RM1 bilion dijangka dapat meningkatkan kemampuan kumpulan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah pertama dengan kadar pembiayaan rendah sebanyak 3.5 peratus setahun.

Gabenor BNM, Datuk Nor Shamsiah Mohd. Yunus berkata, selain daripada membantu segmen sasar di seluruh negara membiayai pembelian rumah pertama mereka, insentif tersebut juga dianggarkan dapat menyumbang kepada ansuran bulanan lebih rendah iaitu 23 peratus berbanding skim pembiayaan sedia ada.

Walau bagaimanapun beliau berkata, Dana BNM yang menawarkan kadar pembiayaan rendah itu harus dilihat sebagai satu kemudahan sementara, untuk suatu tempoh terhad dan dilaksanakan secara berhemat.

“Bagi memastikan pembiayaan rumah terus mapan, kadar pembiayaan rumah perlu mencerminkan kos risiko sebenar dihadapi oleh institusi kewangan dengan mengambil kira kos dana, kos pentadbiran, risiko kecairan dan kredit pinjaman.

“BNM dan institusi kewangan terus komited menyediakan perkhidmatan kewangan yang transformatif bagi membolehkan segenap lapisan masyarakat dapat me-

nabung, melabur dan meminjam secara produktif dan meningkatkan kualiti kehidupan.

“Pembeli pula perlu mempunyai simpanan secukupnya dan keupayaan membayar pinjaman mereka sepanjang tempoh pinjaman untuk memastikan pemilikan rumah.

“Malah, bakal pembeli juga disarankan mengambil langkah praktikal dalam memberi keutamaan ke atas komitmen utama perbelanjaan sara hidup agar

penambahan hutang melalui pembiayaan rumah tidak membebankan kedudukan kewangan,” katanya dalam majlis pelancaran Dana BNM dan Portal Rumahku di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; Timbalan Menteri Kewangan Malaysia, Datuk Amiruddin Hamzah; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin dan Pengerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Anuar Mohd. Hassan.

BNM melancarkan Dana BNM berjumlah RM1 bilion bagi pembeli rumah warganegara Malaysia dengan pendapatan maksimum bulanan isi rumah sebanyak RM2,300 untuk pembelian rumah kediaman berharga RM150,000 ke bawah.

# RM1B DANA RUMAH

- » Dana Rumah Mampu Milik Bank Negara Malaysia (Dana BNM) RM1 bilion.
- » Sasar B40 miliki rumah pertama dengan kadar faedah 3.5% setahun.
- » Rakyat berpendapatan bulanan isi rumah RM2,300 layak untuk beli rumah pertama RM150,000 ke bawah.
- » Dana BNM ditawarkan selama dua tahun mulai 2 Januari 2019 melalui AmBank, Bank Simpanan Nasional (BSN), CIMB Bank, Maybank dan RHB Bank.



**BERITA DI MUKA 37**



**LIM GUAN ENG** (tengah) merasmikan Majlis Pelancaran Dana Rumah Mampu Milik BNM sambil disaksikan **Zuraidah Kamaruddin** (dua dari kiri); **Amiruddin Hamzah** (kiri); **Nor Shamsiah Mohd. Yunus** (dua dari kanan) di Kuala Lumpur, semalam.



## INSENTIF ISTIMEWA DANA BNM

- » Tiada fi pemprosesan pembiayaan
- » **Pengecualian duti setem** ke atas perjanjian jual beli dan perjanjian pembiayaan
- » Kadar yang **berpatutan** untuk perlindungan gadaai janji

DANA BNM diwujudkan untuk membantu pembeli rumah daripada kumpulan berpendapatan rendah bagi pembelian rumah pertama bernilai sehingga RM150,000.

## SIAPA YANG LAYAK MEMOHON DANA BNM?

- » Warganegara Malaysia dengan pendapatan maksimum bulanan isi rumah **RM2,300**
- » Pekerja makan gaji atau bekerja sendiri
- » Peminjam tiada rekod pembiayaan terjejas untuk tempoh **12 bulan** yang lalu
- » Peminjam tunggal atau peminjam bersama boleh memohon
- » Dana BNM tersedia selama dua tahun mulai **2 Januari 2019** atau sehingga **RM1 bilion** yang diperuntukkan habis digunakan
- » Kadar faedah **3.5 peratus** setahun dengan tempoh pembiayaan maksimum sehingga **40 tahun** atau sehingga umur **70 tahun**, yang mana lebih rendah
- » Pemohon wajib mengikuti program pendidikan kewangan di **portal Rumahku**